

KECENDERUNGAN GAYA PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN SISWA GURU DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU

Learning Styles Preferences amongst Student Teachers in Teacher Education Institutes

¹Norherani Moning (PhD), ²Lim Zek Chew (PhD), ³Munira Mohsin (PhD),
⁴Sharul Arba'iah Othman (PhD) & ⁵Assunta Carolina Antonysam (PhD)
^{1,2,3,4,5}Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur
³munira@ipgkik.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kecenderungan amalan gaya pembelajaran dalam kalangan siswa guru di Institut Pendidikan Guru. Responden kajian terdiri daripada 112 siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ambilan Jun 2016 yang terdiri dari pengkhususan Pendidikan Muzik, Pengajian Bahasa Inggeris, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Seni Visual serta Pendidikan Khas. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan soal selidik yang diadaptasi dari Model Gaya Pembelajaran Felder dan Silverman (1988) dengan $\alpha=0.89$. Kajian ini mengklasifikasikan gaya pembelajaran siswa guru kepada empat dimensi iaitu pemprosesan, persepsi, input, dan pemahaman. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif berasaskan objektif dan persoalan kajian. Kajian ini menunjukkan bahawa siswa guru cenderung mengamalkan keempat-empat gaya pembelajaran ini. Namun, gaya pembelajaran yang paling digemari oleh siswa guru di IPG adalah pembelajaran dimensi input yang melibatkan visual dan verbal. Dimensi ini didapati lebih cenderung dalam kalangan siswa guru pengkhususan Pengajian Bahasa Inggeris, Pendidikan Khas, Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Muzik. Manakala siswa guru pengkhususan Pendidikan Jasmani lebih cenderung kepada dimensi pemahaman. Dapatan kajian mencadangkan bahawa pensyarah perlu menyesuaikan gaya pengajaran mereka mengikut kecenderungan gaya pembelajaran semasa siswa guru.

Kata kunci: Gaya Pembelajaran, adaptasi gaya pembelajaran, dimensi gaya pembelajaran

ABSTRACT

This study examines student teachers' learning styles in a Teacher Education Institute. A total of 112 student teachers of the June 2016 Intake from five departments, Music Education, English language Studies, Physical Education, Visual Art Education and Special Education, participated in this study. A survey was conducted using the questionnaire adapted from Felder and Silverman Learning Style Model (1988) with $\alpha = 0.89$. This model classifies students' learning styles into four dimensions, namely processing, perception, input, and understanding. The findings were analyzed descriptively based on the objectives and research questions of the study. The findings reveal that student teachers tend to practice all these four learning styles. However, the most popular learning style among these student teachers is the input dimension involving visual and verbal. This dimension is most popular amongst student teachers from four departments namely English Language Studies, Special Education, Visual Art Education and Music Education. Meanwhile, student teachers from the Physical Education department prefer the dimension of understanding. The findings suggest that all lecturers need to adapt their teaching styles according to the learning styles preferred by their student teachers.

Keywords: learning styles, adaptation of learning styles, dimensions of learning styles.

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk melahirkan guru yang berkualiti dan memastikan guru yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara. Hal ini kerana pendidikan ialah penyumbang utama kepada modal sosial dan ekonomi negara. Justeru, menerusi transformasi sistem pendidikan negara yang dizahirkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) langkah-langkah serta kerangka pembangunan yang bersifat menyeluruh telahpun diatur ke arah memenuhi matlamat dan aspirasi yang dihasratkan.

Tenaga pengajar seperti guru-guru di sekolah dan para pensyarah di institusi pengajian tinggi merupakan pemacu yang amat penting ke arah pencapaian dan kejayaan pelajar. Pembangunan modal insan berkualiti amat bergantung kepada pendidikan berkualiti yang dapat menghasilkan individu yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju. Untuk tujuan tersebut, para pendidik juga harus peka dengan keperluan gaya pembelajaran oleh para pelajar pada masa kini. Gaya pembelajaran pelajar pada abad ke 21 ini amat berbeza dibandingkan dengan zaman dahulu. Dengan adanya akses kepada kemudahan internet serta teknologi maklumat, pelajar dapat memperoleh maklumat dengan mudah. Gaya pembelajaran pelajar adalah berkait rapat dengan gaya pengajaran guru. Kajian terkini mendedahkan bahawa apabila guru membentuk dan mengembangkan kaedah dan teknik pengajaran sejajar dengan gaya pembelajaran pelajar-pelajar, terdapat peningkatan dalam pencapaian akademik dan penurunan dalam masalah disiplin (Lorenzo, 2013). Oleh yang demikian, proses pembelajaran pelajar serta keberkesanan proses penyampaian kuliah perlu dilihat semula. Hal ini penting bagi memastikan pengisian pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah memberi impak yang maksimum kepada kedua-dua pihak iaitu tenaga pengajar mahupun para pelajar sendiri.

GAYA PEMBELAJARAN

Felder dan Silverman (1988) mentakrifkan gaya pembelajaran sebagai ciri individu dalam menerima dan memproses maklumat. Takrifan lain bagi gaya pembelajaran adalah ciri-ciri kognitif dan fisiologi yang bertindak sebagai petunjuk bagaimana pelajar berinteraksi dan menghayati suasana pembelajaran. Seiring dengan perkembangan pesat yang berlaku dalam dunia pendidikan masa kini, mengetahui kecenderungan gaya pembelajaran pelajar merupakan aspek penting bagi memastikan matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai. Banyak kajian menyatakan bahawa gaya pembelajaran menyumbang kepada faktor utama yang boleh mempengaruhi keberkesanan dan kejayaan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran (Che Ghani Che Kob, Mai Shihah Abdulah Arasinah Kamis, Zaliza Hanapi, Ridzuan Che Rus, 2016; Felder & Soloman, 2012). Di samping itu Baharin (2000) menjelaskan bahawa gaya pembelajaran pelajar akan memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar dan beliau juga mencadangkan agar gaya pembelajaran pelajar perlu dikaji untuk dijadikan rujukan kepada pensyarah apabila merancang sesi pengajaran. Ruslin Amir dan Zalizan Mohd Jelas (2010) telah mengkaji gaya pengajaran pensyarah dan gaya pembelajaran pelajar dalam kalangan 120 pensyarah dan 545 pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia menggunakan inventori Grasha-Riechman. Dapatan menunjukkan gaya pengajaran pakar, fasilitator dan penugasan adalah dominan dalam kalangan pensyarah. Manakala pelajar didapati lebih dominan dalam gaya pembelajaran kolaboratif dan persaingan.

Pensyarah yang mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar dan menyesuaikan dengan pengajaran akan menyumbang kepada pembelajaran yang lebih berkesan. Kajian Hwang, Sung, Hung, dan Huang (2013) mendapati bahawa prestasi murid adalah lebih baik apabila pengajaran dan pembelajaran mereka mengambil kira gaya pembelajaran yang sesuai berbanding murid yang belajar tanpa mengambil kira gaya pembelajaran. Justeru, gaya pembelajaran pelajar merupakan permasalahan yang perlu dikenal pasti oleh pensyarah supaya segala perancangan pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan dengan baik. Di

samping itu para pelajar sendiri haruslah juga mampu mengenal pasti gaya pembelajaran yang mereka gemari. Hal ini kerana, gaya pembelajaran yang diminati oleh setiap pelajar adalah tidak sama di antara satu dengan yang lain kerana setiap individu adalah unik.

KERANGKA KONSEP

Cavas (2014) menyatakan bahawa gaya pembelajaran selalunya tidak dikaitkan dengan apa yang telah dipelajari oleh seseorang tetapi lebih kepada bagaimana seseorang individu belajar. Terdapat pelbagai teori dan inventori tentang gaya pembelajaran seperti Gaya Pembelajaran Kolb, Gaya Pembelajaran Grasha-Reichmanns, Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn, teori kecerdasan pelbagai Gardner dan sebagainya. Namun demikian, dalam konteks kajian ini, Gaya Pembelajaran yang diadaptasi berasaskan Model Felder dan Silverman (1988) digunakan dalam mengklasifikasikan gaya pembelajaran siswa guru kepada empat dimensi iaitu pemprosesan (*active-reflective*), persepsi (*sensing-intuitive*), input (*visual-verbal*) dan pemahaman (*sequential-global*).

Felder dan Silverman (1988) dalam teorinya, menyatakan bahawa gaya pembelajaran pelajar adalah berbeza antara satu sama lain. Mereka mendefinisikan *active learners* sebagai pelajar yang suka mencuba sesuatu melalui eksperimen dan tidak menggemari cara belajar secara kuliah. Pelajar kategori ini juga lebih suka belajar dan bekerja secara berkumpulan daripada bekerja secara bersendirian. Manakala *reflective learners* pula merujuk kepada pelajar yang suka belajar melalui berfikir. Pelajar kategori ini lebih gemar belajar dan bekerja secara bersendirian. Apabila memperolehi maklumat mereka akan berfikir terlebih dahulu sebelum menerangkan kepada rakan-rakan yang lain.

Sensing learners pula merupakan golongan pelajar yang lebih cenderung kepada pembelajaran yang melibatkan fakta sahaja. Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini berminat dengan maklumat-maklumat, mempunyai kelebihan mengingati fakta-fakta dan melakukan aktiviti secara *hands-on*. Manakala *Intuitive learners* pula merujuk kepada pelajar yang bersikap konseptual, inovatif dan orientasi terhadap teori dan maksud. Mereka bersifat inovatif dan pentingkan kreativiti dalam sesuatu kerja.

Di samping itu, pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran berasaskan *visual* dapat mengingat dengan baik apa yang telah dilihat seperti gambar, lukisan, gambarajah bersiri, filem dan demonstrasi. Mereka lebih menggemari guru yang mengajar dengan menggunakan bahan bantu mengajar serta menggunakan banyak persembahan grafik dalam pembelajaran. Manakala *Verbal learners* pula adalah pelajar yang menggemari gaya pembelajaran menerusi perkataan dan penjelasan secara berhujah.

Pelajar yang tergolong dalam *sequential learners* adalah pelajar yang lebih cenderung dan selesa untuk memahami sesuatu secara sistematik dan dengan mengikut turutan. Pelajar jenis ini lebih mudah mengingat dan memahami sesuatu jika pengajaran disampaikan secara sistematik iaitu dari mudah ke sukar dan mengikut langkah-langkah yang logik. *Global learners* pula adalah pelajar yang lebih berminat untuk mengumpulkan maklumat yang mereka perlu secara rawak dan seterusnya memahami sesuatu secara spontan berdasarkan maklumat yang mereka kumpulkan itu.

PERNYATAAN MASALAH

Gaya pembelajaran adalah faktor utama yang menentukan kejayaan dan kegagalan seseorang pelajar (Felder & Soloman, 2012). Kejayaan dan kecemerlangan dapat dicapai oleh seseorang pelajar sekiranya pelajar itu mengamalkan gaya pembelajaran yang sesuai dan berkesan. Hasil kajian Wallace dan Oxford (2012) mendapati bahawa ketidakpadanan gaya pembelajaran pelajar dan gaya pengajaran guru menyebabkan pencapaian akademik yang kurang memuaskan. Ketidakpadanan gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran pelajar akan menyebabkan pelajar menjadi bosan dan tidak memberikan penumpuan perhatian yang sepenuhnya semasa belajar di dalam di bilik darjah (Felder & Silverman 1988).

Tinjauan awal yang dilakukan semasa Jejak Pembelajaran (*Learning Walks*) pada sesi pengajian Jun-November 2017 di mana pemerhatian menggunakan protokol dan fokus yang spesifik dan temu bual berstruktur terhadap pembelajaran siswa guru memperlihatkan variasi dalam gaya pembelajaran siswa guru. Dalam konteks ini Jejak Pembelajaran yang merupakan salah satu daripada strategi yang terkandung dalam Komuniti Pembelajaran Profesional yang juga inisiatif dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan trenda dan perkembangan pendidikan di negara-negara maju (DuFour, Eaker & Many, 2006) telah digunakan bagi meneroka gaya pembelajaran siswa guru di Institut Pendidikan Guru.

Justeru, kajian ini dilakukan lanjutan dari Jejak Pembelajaran tersebut bagi meneroka dan mengesahkan gaya pembelajaran dalam kalangan siswa guru di Institut Pendidikan Guru (IPG). Hal ini adalah untuk memahami dan mengetahui gaya pembelajaran yang ada dalam diri setiap pelajar khususnya yang terdiri daripada pelbagai opsyen. Hal ini merupakan satu faktor yang penting bagi membantu pelajar ke arah pencapaian akademik yang cemerlang. Kajian seumpama ini juga boleh memberi maklumat kepada setiap siswa guru dan memberi informasi kepada para pensyarah mengenai gaya pembelajaran yang paling digemari dan diamalkan oleh siswa guru agar dapat memenuhi hasil pembelajaran yang dihasratkan.

TUJUAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau gaya pembelajaran yang dominan dalam kalangan siswa guru di bilik darjah. Selain itu, pengkaji juga ingin mengenal pasti perbezaan gaya pembelajaran dalam kalangan siswa guru di IPG. Persoalan yang ingin dijawab dalam kajian ini adalah untuk mengetahui apakah gaya pembelajaran yang ada dalam kalangan siswa guru berdasarkan opsyen mereka masing-masing selari dengan evolusi sistem pendidikan dan arus pembangunan global pada masa kini.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang digunakan bergantung kepada tujuan sesuatu kajian (Maxwell, 2005). Reka bentuk yang digunakan adalah berbentuk tinjauan dan bersesuaian dengan tujuan kajian iaitu untuk meninjau gaya pembelajaran yang dominan dalam kalangan siswa guru yang terdiri dari pelbagai opsyen di bilik darjah di Institut Pendidikan Guru (IPG).

Responden

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 112 orang siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Jun 2016 di salah sebuah Institutsi Pendidikan Guru. Taburan responden berasaskan pengkhususan Pendidikan Muzik, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Khas, Pengajian Bahasa Inggeris dan Pendidikan Seni Visual adalah seperti yang tertera di dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Taburan Responden Kajian Mengikut Pengkhususan

Pengkhususan	Ambilan	Bilangan N=112	Peratus
Pendidikan Muzik	Jun 2016	26	23.2
Pendidikan Jasmani	Jun 2016	22	19.6
Pendidikan Khas	Jun 2016	35	31.3
Pengajian Bahasa Inggeris	Jun 2016	20	17.9
Pendidikan Seni Visual	Jun 2016	9	8.0

Instrumen

Kajian ini menggunakan soal selidik dari Model Gaya Pembelajaran Felder dan Silverman (1988) yang diadaptasi ($\alpha=0.89$) oleh Zaidah dan Zulkifli (2008) bagi mengklasifikasikan gaya pembelajaran siswa guru. Menurut Litzinger, Lee, Wise dan Fedler (2007) penggunaan soal selidik berbanding index asal tidak menunjukkan sebarang perbezaan dalam mengukur kecenderungan gaya pembelajaran. Instrumen tersebut terdiri daripada 40 item yang diklasifikasikan kepada empat konstruk atau dimensi iaitu pemprosesan (*active-reflective*), dimensi persepsi (*sensing-intuitive*), dimensi input (*visual-verbal*) dan dimensi pemahaman (*sequential-global*) yang menggunakan skala Likert 5 poin. Instrumen tersebut juga memerlukan responden menyatakan tahap persetujuan mengikut skala berikut: 1 untuk “Sangat Tidak Setuju”, 2 untuk “Tidak Setuju”, 3 untuk “Kurang Setuju”, 4 untuk “Setuju” dan 5 untuk “Sangat Setuju” bertujuan untuk meninjau konsepsi siswa guru akan gaya pembelajaran yang dominan yang ada pada mereka.

Analisis Data

Bersesuaian dengan tujuan kajian ini adalah untuk meneroka kecenderungan gaya pembelajaran yang dominan dalam kalangan siswa guru di IPG, data dianalisis secara deskriptif berasaskan konstruk yang terdapat di dalam instrumen kajian yang menjurus kepada objektif dan persoalan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif dengan berdasarkan min dan sisihan piawai. Hal ini melibatkan dimensi seperti dimensi pemprosesan (*active-reflective*), dimensi persepsi (*sensing-intuitive*), dimensi input (*visual-verbal*), dan dimensi pemahaman (*sequential-global*).

Jadual 2

Taburan Min Responden bagi Dimensi Gaya Pembelajaran Siswa Guru di IPG

Dimensi	Pemprosesan (<i>active-reflective</i>)	Persepsi (<i>sensing-intuitive</i>)	Input (<i>visual-verbal</i>)	Pemahaman (<i>sequential-global</i>)
Min (M)	3.83	3.82	4.03	3.96
Sisihan Piawai (SD)	0.40	0.47	0.52	0.52

N=112

Jadual 2 menunjukkan dimensi input (visual-verbal) mencapai min tertinggi iaitu $M=4.03$ diikuti dengan dimensi pemahaman $M=3.96$, dimensi pemprosesan $M=3.83$ dan dimensi persepsi $M=3.82$. Ini menunjukkan gaya pembelajaran yang paling digemari oleh siswa guru di IPG adalah pembelajaran secara visual dan verbal. Siswa guru gemar pembelajaran secara persembahan visual seperti gambar rajah dan carta alir. Mereka senang mengingati perkara melalui penglihatan. Siswa guru juga gemar penjelasan secara bertulis atau lisan. Mereka senang mengingati perkara melalui pendengaran. Walau bagaimanapun, siswa guru juga gemar gaya pembelajaran secara pemahaman, pemprosesan dan persepsi.

Jadual 3

Taburan Min dan Sisihan Piawai Responden Tentang Dimensi Gaya Pembelajaran yang Bersifat Pemprosesan (Active – Reflective)

No Item	Pernyataan	Min	Sisihan piawai (SD)
i.	Saya belajar sesuatu yang baharu dengan lebih cepat sekiranya saya membincangkannya dengan rakan-rakan.	4.22	.70
ii.	Saya lebih suka belajar secara bersendirian.	3.99	.89
iii.	Apabila sedang mengkaji perkara yang sukar, saya biasanya memberikan pandangan saya sendiri dalam kumpulan belajar.	3.61	.85
iv.	Dalam projek kumpulan, saya berpendapat adalah lebih baik sekiranya dimulakan dengan “brain storming” di mana semua ahli dapat mengeluarkan idea.	4.10	.76
v.	Saya lebih suka belajar secara kumpulan.	3.44	1.05
vi.	Apabila membuat tugas, saya selalunya cuba memahami masalah secara keseluruhan terlebih dahulu.	4.29	.67
vii	Saya lebih gemar mendengar bahan yang sedang diperbincangkan dalam kumpulan belajar daripada memberikan pandangan saya sendiri.	3.76	.92
viii	Saya akan terus fokus terhadap perkara yang baru dipelajari agar dapat belajar sebanyak yang mungkin.	4.06	.72
ix.	Saya biasanya akan terus menyelesaikan sesuatu tugas tanpa melihat secara keseluruhan.	2.69	1.02
x.	Saya berpendapat dalam projek kumpulan, adalah lebih baik sekiranya ahli kumpulan bermuda dengan refleksi sendiri sebelum membandingkan idea masing-masing.	3.79	.92

$N=112$

Jadual 3 menunjukkan min pencapaian untuk dimensi aktif dan reflektif. Didapati item 6 mencapai min tertinggi iaitu $M=4.29$. Ini menunjukkan siswa guru gemar memahami sesuatu masalah secara keseluruhan.

Data item 9 menunjukkan mereka tidak gemar menyelesaikan sesuatu tugas tanpa melihat secara keseluruhan ($M=2.69$). Siswa guru juga gemar berbincang dengan rakan-rakan dalam mempelajari sesuatu yang baharu seperti yang ditunjukkan oleh data item 1 ($M=4.22$). Item 4 pula menunjukkan siswa guru gemar memulakan perbincangan dengan cara “brain storming” ($M=4.10$).

Jadual 4

Taburan Min dan Sisihan Piawai Responden Tentang Dimensi Gaya Pembelajaran yang Bersifat Persepsi Sensing – Intuitive)

No Item	Pernyataan	Min	Sisihan piawai (SD)
i.	Saya lebih mudah mempelajari sesuatu konsep kerana dapat mengaitkannya dengan dunia sebenar.	4.33	.69
ii.	Kebanyakan kerja yang saya lakukan adalah kreatif.	3.43	.91
iii.	Saya lebih mudah mempelajari fakta kerana kesahihannya adalah pasti.	3.89	.82
iv.	Jika diberi peluang untuk mengajar, saya lebih suka mengajar berdasarkan situasi kehidupan sebenar.	4.41	.59
v.	Bila saya dikehendaki melakukan sesuatu tugas, saya suka mencuba dengan kaedah yang baru.	3.85	.75
vi.	Apabila saya membuat kiraan yang rumit, saya cenderung mengulang dan memeriksa langkah kerja dengan teliti.	4.23	.72
vii.	Kerap kali kerja yang saya hasilkan dianggap sebagai kerja yang teliti.	3.68	.85
viii.	Jika diberi peluang untuk mengajar, saya lebih suka mengajar berdasarkan teori.	3.32	.96
ix.	Apabila saya membuat kiraan yang rumit, saya mudah berasa bosan dan biasanya memaksa diri untuk menyemak kerja saya semula.	3.28	1.14
x.	Apabila saya dikehendaki melakukan sesuatu tugas, saya suka menggunakan cara yang sedia ada.	3.75	.86

$N=112$

Untuk dimensi persepsi, didapati siswa guru gemar mengajar berdasarkan situasi kehidupan sebenar. Jadual 4 menunjukkan data item 4 mencapai min tertinggi $M=4.41$. Data item 1, $M=4.33$ juga menunjukkan siswa guru mudah mempelajari sesuatu konsep yang dapat dikaitkan dengan dunia sebenar. Item 6, $M=4.23$ menunjukkan siswa guru gemar gaya pembelajaran yang mementingkan ketelitian dalam sesuatu kerja. Dengan itu, item 9 mencapai min yang terendah iaitu $M=3.28$, kerana siswa guru teliti dalam tugas yang diberi.

Jadual 5

Taburan Min dan Sisihan Piawai Responden Tentang Demensi Gaya Pembelajaran yang Bersifat Input (Visual – Verbal)

No Item	Pernyataan	Min	Sisihan piawai (SD)
i.	Saya dapat menggambarkan tempat-tempat yang pernah saya lawati dengan mudah.	4.26	.79
ii.	Saya lebih suka pensyarah yang mengajar dengan memaparkan banyak gambarajah.	4.41	.70
iii.	Saya sangat berminat membaca buku yang banyak ilustrasi dengan meneliti gambar berkenaan.	4.38	.68
iv.	Saya dapat mengingat dengan baik gambarajah yang pernah dipelajari di dalam kelas.	4.21	.72
v.	Saya mudah mengingati perkara yang saya pernah lihat.	4.28	.72
vi.	Saya mudah mengingati perkara yang saya dengar.	3.89	.88
vii	Saya dapat mengingat dengan baik setiap penerangan mengenai sesuatu perkara dengan teliti.	3.86	.94
viii	Saya lebih suka pensyarah memberikan penerangan sesuatu topik dengan teliti.	4.29	.73
ix.	Saya sukar untuk menggambarkan tempat-tempat yang pernah saya lawati.	3.28	1.34
x.	SSemasa membaca buku, saya lebih gemar menumpukan kepada teks.	3.48	1.15

N=112

Jadual 5 menunjukkan data untuk dimensi bersifat input visual dan verbal. Item yang mencapai min yang tinggi ialah item 2, 3, 8, 5, 1, 4. Siswa guru lebih gemar mempelajari sesuatu dalam bentuk gambarajah (M=4.41). Mereka juga gemar membaca buku yang mempunyai banyak ilustrasi (M=4.38), mudah ingat perkara yang pernah lihat (M=4.28) dan dapat menggambarkan tempat-tempat yang dilawati dengan mudah (M=4.26) serta mengingati gambarajah yang pernah dipelajari (M=4.21). Ini menunjukkan siswa guru gemar gaya pembelajaran secara visual dari verbal kerana Item 6 mencapai M=3.89 sahaja. Data Jadual 5 juga menunjukkan siswa guru lebih suka pensyarah memberi penerangan sesuatu topik dengan teliti (M=4.29).

Jadual 6

Taburan Min dan Sisihan Piawai Responden Tentang Demensi Gaya Pembelajaran yang Bersifat Pemahaman (Sequential – Global)

No Item	Pernyataan	Min	Sisihan piawai (SD)
i.	Apabila saya memahami kesemua bab dalam sesebuah buku, saya memahami keseluruhan isi buku tersebut.	3.98	.81
ii.	Saya biasanya menyelesaikan masalah matematik secara langkah demi langkah.	4.27	.71
iii.	Apabila saya memahami keseluruhan isi sesebuah buku, saya dapat melihat bagaimana setiap bahagian dalam buku tersebut saling berkait.	4.23	.80
iv.	Dalam menyelesaikan sesuatu masalah dalam kumpulan, saya biasanya lebih suka memikirkan akibat yang mungkin berlaku daripada sesuatu jalan penyelesaian itu.	4.03	.68
v.	Saya berpendapat, pensyarah yang memulakan sesi pengajaran dengan memberikan penerangan ringkas tentang apa yang akan dipelajari tidak banyak membantu saya.	3.10	1.27
vi.	Saya selalunya melihat penyelesaian kepada sesuatu masalah terlebih dahulu sebelum saya cuba menyelesaikannya.	3.87	.89
vii	Apabila saya mempelajari sesuatu subjek yang baharu saya gemar membaca secara berurutan.	3.95	.86
viii	Saya belajar sesuatu yang baru dengan lebih cepat sekiranya saya menelitinya secara terperinci.	4.12	.67
ix.	Apabila menyelesaikan sesuatu masalah dalam kumpulan, saya lebih suka memikirkan penyelesaian berdasarkan langkah-langkah proses penyelesaian masalah.	4.16	.68
x.	Saya berpendapat, pensyarah yang memulakan sesi pengajaran dengan memberikan penerangan ringkas tentang apa yang dipelajari banyak membantu saya.	4.17	.73

N=112

Jadual 6 menunjukkan data untuk dimensi bersifat pemahaman. Item 2 mencapai min tertinggi iaitu $M=4.27$. Ini menunjukkan siswa guru menyelesaikan masalah secara tersusun. Siswa guru juga memahami secara global di mana mereka gemar memahami keseluruhan sesebuah buku dengan mengaitkan bahagian dalam buku tersebut ($M=4.23$) dan mereka lebih gemar pensyarah memulakan sesi PdP dengan memberi gambaran ringkas secara menyeluruh ($M=4.17$). Data juga menunjukkan siswa guru gemar belajar sesuatu yang baharu dengan terperinci ($M=4.12$) dan memikirkan penyelesaian masalah mengikut langkah-langkah proses penyelesaian masalah ($M=4.16$).

Jadual 7

Taburan Min dan Sisihan Piawai Responden Terhadap Gaya Pembelajaran Mengikut Opsyen

<i>Opsyen</i>	<i>Pemprosesan (active- reflective) Min, SD</i>	<i>Persepsi (sensing- intuitive) Min, SD</i>	<i>Input (visual- verbal) Min, SD</i>	<i>Pemahaman (sequential- global) Min, SD</i>
<i>Pendidikan Jasmani</i>	<i>M=3.87, SD=.41</i>	<i>M=3.73, SD=.48.</i>	<i>M=3.90, SD=.37</i>	<i>M=4.05, SD=.44</i>
<i>Pengajian Bahasa Inggeris</i>	<i>M=3.63, SD=.41</i>	<i>M=3.89, SD=.48</i>	<i>M=3.80, SD=.59</i>	<i>M=3.68, SD=.49</i>
<i>Pendidikan Khas</i>	<i>M=3.78, SD=.38</i>	<i>M=3.82, SD=.39</i>	<i>M=4.00, SD=.47</i>	<i>M=3.99, SD=.53</i>
<i>Pendidikan Seni Visual</i>	<i>M=3.78, SD=.31</i>	<i>M=3.96, SD=.32</i>	<i>M=4.15, SD=.55</i>	<i>M=4.22, SD=.48</i>
<i>Pengajian Muzik</i>	<i>M=3.88, SD=.35</i>	<i>M=3.87, SD=.45</i>	<i>M=4.04, SD=.46</i>	<i>M=4.00, SD=.51</i>

Data Jadual 7 menunjukkan siswa guru pengkhususan Pengajian Bahasa Inggeris, Pendidikan Khas, Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Muzik cenderung dengan gaya pembelajaran dimensi input iaitu visual dan verbal. Bagi pengkhususan Pendidikan Jasmani, siswa guru cenderung dengan gaya pembelajaran dimensi pemahaman iaitu sekeuntal dan global.

Siswa guru pengkhususan Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Muzik kurang gemar dengan gaya pembelajaran dimensi persepsi. Bagi pengkhususan Pengajian Bahasa Inggeris, Pendidikan Khas dan Pendidikan Seni Visual, mereka kurang gemar dengan gaya pembelajaran dimensi pemprosesan iaitu aktif dan reflektif.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan ketara antara keempat-empat dimensi gaya pembelajaran ini. Namun demikian min tertinggi adalah pada gaya pembelajaran dimensi secara input, manakala terendah adalah gaya pembelajaran dimensi persepsi. Ini menunjukkan gaya pembelajaran yang paling digemari oleh siswa guru di IPG adalah pembelajaran dimensi input yang melibatkan visual dan verbal. Dimensi ini didapati cenderung dalam kalangan siswa guru pengkhususan Pengajian Bahasa Inggeris, Pendidikan Khas, Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Muzik. Mereka gemar pensyarah yang memaparkan banyak visual seperti gambar rajah dan demonstrasi serta memberi penerangan yang teliti semasa kuliah. Hal ini demikian kerana untuk mempelajari dan memahirkkan diri dalam bidang muzik, seni visual, terapi, bahasa isyarat serta bahasa Inggeris, maka siswa guru perlu mendapat input secara visual dan verbal. Kajian ini selari dengan dapatan Baharom Mohamad dan Iliyas Hasyim (2010), Hardaker dan Sabki (2012) dan La Lopa (2013). Selain itu, siswa guru yang begitu terdedah kepada teknologi maklumat dan

komunikasi (TMK) masa kini serta kecanggihan gajet-gajet yang terdapat di pasaran kemungkinan juga menyumbang kepada dapatan ini. Kajian Keating, Gardiner dan Ruud (2009) mendapati sikap dan persepsi siswa guru terhadap teknologi digital mempengaruhi kesungguhan siswa guru menggunakan TMK secara berkesan dalam bilik darjah.

Bagi pengkhususan Pendidikan Jasmani, siswa guru cenderung dengan gaya pembelajaran dimensi pemahaman iaitu sekeuntal dan global. Hal ini bersesuaian dengan pengkhususan mereka kerana untuk menjadi guru Pendidikan Jasmani atau jurulatih sukan, mereka perlu dilatih secara sistematik dan mengikut urutan serta langkah-langkah yang logik. Ini selari dengan Coker (2013) yang menyatakan gaya pembelajaran berubah berdasarkan persekitaran pembelajaran sama ada melibatkan tugas motor atau tugas kognitif semata. Maklumat berkaitan gaya pembelajaran dapat membantu pensyarah mengenal pasti gaya pembelajaran yang ada pada siswa guru. Oleh hal yang demikian, pensyarah boleh mempelbagaikan pendekatan, teknik, bahan dan aktiviti yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh siswa guru.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya & Donald Michael Obih. (2010). *Hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dan iklim bilik kuliah terhadap pencapaian akademik pelajar tingkatan empat*. National Seminar Sabah: Sabah Print Ltd.
- Baharom Mohamad & Iiyas Hasyim. (2010). *Gaya pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Che Ghani Che Kob, Mai Shihah Abdulah, Arasinah Kamis, Zaliza Hanapi, & Ridzuan Che Rus. (2016). *Amalan gaya pembelajaran pelajar cemerlang di politeknik Seberang Perai: Kajian pelajar Malaysia berdasarkan model Felder Silvermen*. Geografia OnlineTM.
- Coker, C.A. (2013). Accommodating students learning styles in physical education. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance*. Retrieved May 10, 2018 from: <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/>
- DuFour, R., Eaker, R., & Many. (2006). *Learning by doing: A handbook for professional learning communities at work*. New York: Teachers College Press.
- Felder, R.M., & Soloman, B.A. (2012). *Learning styles and strategies*. Retrieved May 5, 2018, from: <http://www4.ncsu.edu/unity/lockers/users/f/felder/public/ILSdir/styles.htm>.
- Felder, R. M. & Silverman, L. K. (1988). Learning styles and teaching styles in engineering education, *Engineering Education*, 78 (7), 674-681.
- Hardaker, G. & Sabki, A.A. (2012). An insight into Islamic Pedagogy at the University of al_Qarawiyyin. *Multicultural Education and Technology Journal*, 6 (2): 106-110.
- Hwang, G., Sung, H.Y., Hung, C.M & Huang, I. (2013). A learning style perspective to investigate the necessity of developing adaptive learning systems. *Educational Technology and Society*, 16 (2): 188-197.

- Kamsani Md. Saad. (2012). *Hubungan gaya pembekajaran dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran bahasa arab komunikasi di sekolah menengah agama (smka) Kedah*. Kolokium Penyelidikan Peringkat Zon Utara, Jabatan Pengajian Politeknik.
- Keating, A., Gardiner, C. & Ruud, P. (2009). *E-access, e-maturity, e-safety: A learner survey*. Coventry:Becta.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah*. Kuala Lumpur. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- La Lopa, J.M. (2013). The difference between bigfoot and and learning styles: there may be better evidence to support the existence of bigfoot. *Journal of Culinary Science and Tchnology*, 11 (4) : 356-376.
- Litzinger, T.A, Lee, S.H., Wise, J.C, dan Fekder, R. M. (2007). A Psychometric Study of the Index of Learning Styles. *Journal of Engineering Education* , (96(4), 309-319.
- Lorenzo, A. R. (2013). Learning styles of teacher education students: Basis in improving the teaching - learning process. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 103 :595-605.
- Maxwell, J. A. (2005). *Qualitative research design. An interactive approach* (2nd ed.). USA: Sage Publications, Inc.
- Maizatul Wahidar Mohd Roslan. (2011). *The influence of students' learning styles on academic achievements. (Masters thesis)*. Universiti Utara Malaysia.
- Ruslin Amir & Zalizan Mohd Jelas. (2010). Teaching and learning styles in higher education institutions: Do they match? *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 7 :680-684.
- Sternberg R. J, Grigorenko E. L. Zhang L. F . (2008). Styles of learning and thinking matter in instruction and assessment'. *Perspectives on Psychological Science* 36: 486–506.
- Soloman, B.A., & Felder, R.M. (2012). Index of learning styles questionnaire. Retrieved May 5, 2018, from: <http://www.engr.ncsu.edu/learningstyles/ilsweb.htm>.
- Zaidah Abd. Umar dan Zulkifli Senin. (2008). Perkaitan antara gaya pembelajaran pelajar dengan prestasi mata pelajaran matematik kejuruteraan. *Seminar Kebangsaan Matematik dan Masyarakat*. Johor Baharu.